

TEKA NAMA KAMPUNG KITANI

Pilih jawapan yang betul dari senarai jawapan yang telah disediakan. Kemudian 'drag' atau alihkan jawapan tersebut ke dalam kotak-kotak jawapan yang telah disediakan di setiap soalan.

Kampung Anduki

Kampung Mata-
Mata

Kampung Kuala
Tutong

Kampung Bukit
Panggal

Kampung Ayam-
Ayam

Kampung Lagau

Kampung Sungai
Teraban

Kampung Anggerek
Desa

Kampung Bukit
Beruang

Kampung Tarap

Kampung Bolkiah

Kampung Belais

Kampung Petani

Kampung Piasau-
Piasau

Kampung Setia

Kampung
Merimbun

Kampung Selangan

Kampung Pancha
Delima

Kampung Payau

Kampung Sungai
Bunga

Kampung Kandang

Kampung Kuala
Balai

Kampung Kupang

Kampung Limau
Manis

Kampung Bukit
Kandol

KAMPUNG – KAMPUNG DI DAERAH BRUNEI – MUARA

1. Kampung ini mengandungi dua patah perkataan. Satu perkataan tersebut adalah nama bunga dan satu perkataan lagi adalah sinonim bagi perkataan 'kampung'.

2. Nama kampung ini adalah sama dengan nama sebuah filem Melayu klasik.

3. Berikan nama bagi kampung yang tertera di gambar tersebut.



4. Sebuah kampung yang mempunyai sinonim dengan perkataan polis.

5. Sebuah kampung yang mengandungi nama buah berserta deria rasa.

6. Sebuah kampung yang mengandungi nama seorang raja atau Sultan Brunei yang cukup terkenal pada zaman dahulu.

7. Sebuah kampung yang mempunyai nama sinonim dengan perkataan taat dan patuh.

KAMPUNG – KAMPUNG DI DAERAH TUTONG

- 8) Nama kampung yang mengandungi perkataan sinonim dengan maksud kurungan atau sangkar untuk binatang ternakan.

- 9) Nama kampung yang mengandungi nama haiwan yang liar.

- 10) Nama kampung yang mengandungi perkataan Melayu Brunei yang membawa maksud dipotong atau dikerat.

- 11) Kampung ini adalah di mana terletaknya tasik yang paling besar di Brunei.

- 12) Nama kampung ini mempunyai perkataan sinonim dengan pekerjaan tukang kebun.

- 13) Selain Kampung Danau, kampung ini juga mempunyai struktur binaan sejarah seperti yang tertera di gambar tersebut.



- 14) Nama kampung ini diambil sempena nama seponon pokok yang ganjil. Pokok ini dipercayai ditumbuhi oleh sejenis kerang di laut (seperti yang tertera di dalam gambar di bawah).



KAMPUNG – KAMPUNG DI DAERAH BELAIT

- 15) Salah sebuah kampung di mana penanaman padi tempatan dijalankan.

- 16) Salah satu perkataan yang terdapat di dalam nama kampung ini mempunyai sinonim dengan perkataan dewan.

- 17) Nama kampung berasal dari bahasa Puak Belait 'Terabin' bermaksud tempat berehat dan perhentian menunggu kapal, perahu atau bot.

- 18) Nama kampung ini mengandungi nama salah satu buah tempatan Brunei.

- 19) Tempat seperti yang tertera di dalam gambar tersebut terletak di kampung mana?



KAMPUNG - KAMPUNG DI DAERAH TEMBURONG

- 20) Nama kampung ini mengandungi nama buah dalam Bahasa Brunei. Buah ini memang terkenal dengan keenakan air jusnya yang berkhasiat serta daun pohonnya/pokoknya yang mempunyai banyak kegunaan, contohnya untuk membuat penyapu.

- 21) Nama kampung ini mengandungi nama haiwan ternakan yang disukai/digemari orang ramai disebabkan dagingnya yang lazat.

- 22) Nama kampung ini mempunyai nama sejenis kayu yang boleh diproses untuk pembuatan perabot.

- 23) Kampung ini mengandungi nama haiwan dalam Bahasa Melayu Brunei yang serupa dengan rusa/kijang.

- 24) Kampung ini mengandungi Bahasa Melayu Brunei yang se-erti dengan perkataan memanggil.

- 25) Nama kampung ini mengandungi nama sejenis ikan.